

294

NO.SOALAN : 513

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]

SOALAN

DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH [PUTATAN] minta
MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan status
loji janakuasa di Sabah seperti pembinaan dan nama projek, peruntukan,
naik taraf, rancangan dan sebagainya.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Perancangan pembangunan loji jana kuasa dibuat bagi memenuhi permintaan bekalan elektrik di Sabah. Status pembangunan loji jana kuasa di Sabah adalah seperti berikut:

Status Pembangunan Loji Jana Kuasa di Sabah

Bil	Projek	Status Kemajuan
1	Baik pulih Loji Jana Kuasa Diesel Gantikan di Sandakan, Sabah	Sedang dilaksanakan
2	Pembangunan Loji Jana Kuasa Gas 300MW di <i>Palm Oil Industrial Cluster</i> (POIC) Sandakan, Sabah	Surat Pelantikan Bersyarat (<i>Conditional Letter of Award</i>) telah dikeluarkan kepada pihak pemaju.
3	Pembangunan empangan hidro elektrik berkapasiti 180MW di Ulu Padas	Surat Pelantikan Bersyarat (<i>Conditional Letter of Award</i>) telah dikeluarkan kepada pihak pemaju.
4.	Tadau Energy <i>Large Scale Solar</i>	Fasa pertama dengan kapasiti 2MW di Kudat telah mula tugas.

2. Kesemua projek ini dilaksanakan melalui pembiayaan pelaburan swasta.

Sekian, terima kasih.